

1. Mangsa bot karam itu ditemui _____ di pesisir pantai setelah dua hari pasukan _____ dan penyelamat melakukan gerakan mencari mangsa.

- ☐ A terolang-aling
☐ B terkapai-kapai
☐ C terapung-apung
☐ D terhuyung-hayang

2. Karangan yang ditulis oleh murid itu _____ sehingga dia terpaksa meminta kertas jawapan tambahan.

- ☐ A berjela-jela
☐ B berjalar-jalar
☐ C berderet-deret
☐ D bertambah-tambah

3. Oleh sebab hujan lebat dan kilat _____, Natrah terpaksa berteduh di perhentian bas sebelum berjalan kaki pulang ke rumahnya.

- ☐ A sabung-menyabung
☐ B serang-menyerang
☐ C silang-menyilang
☐ D sahut-menyahut

4. Yaya ketawa _____ apabila mendengar cerita lucu daripada sahabat lamanya itu.

- ☐ A terkebil-kebil
☐ B teresak-esak
☐ C teragak-agak
☐ D terbahak-bahak

5. Daun-daun pokok kelapa di tepi pantai itu _____ apabila ditiup angin pada waktu petang.

- ☐ A menari-nari
☐ B membuai-buai
☐ C membelek-belek
☐ D melambai-lambai

6. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Budak lelaki yang baru belajar menunggang basikal itu _____ mengayuh basikalnya.

- ☐ A terkial-kial
☐ B terkinja-kinja
☐ C terkedek-kedek
☐ D terhuyung-hayang

7. Saiful sentiasa mengingati _____ yang diberikan oleh ibu bapanya agar dia dapat menjadi insan yang berhemah tinggi.

- ☐ A nasihat-nasihat
- ☐ B laporan-laporan
- ☐ C cadangan-cadangan
- ☐ D pengumuman-pengumuman

8. Encik Saiful mencari maklumat tentang _____ penternakan kelulut di Internet.

- ☐ A kata-kata
- ☐ B tanda-tanda
- ☐ C punca-punca
- ☐ D langkah-langkah

9. Lembu itu _____ ekornya untuk menghalau serangga yang hinggap pada badannya.

- ☐ A melibas-libaskan
- ☐ B mengibar-ngibarkan
- ☐ C mengipas-ngipaskan
- ☐ D menggoyang-goyangkan

10. Azli mengutip _____ yang bertabur di atas lantai itu kerana berbahaya kepada adiknya jika tertelan.

- ☐ A jam-jam loceng
- ☐ B kad-kad manila
- ☐ C beg-beg tangan
- ☐ D wang-wang syiling

11. Encik Mat _____ bersiap untuk ke tempat kerjanya kerana dia kesiangan.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terketar-ketar
- ☐ C terkocoh-kocoh
- ☐ D tercungap-cungap

12. Ibu menyediakan sup _____ ikan untuk dihidangkan kepada tetamunya pada hari ini.

- ☐ A kekisi
- ☐ B bebola
- ☐ C rerama
- ☐ D dedaun

13. Abang _____ membuka roda basikal yang telah patah itu apabila ayah memarahinya.

- ☐ A terhegeh-hegeh
- ☐ B tersipu-sipu
- ☐ C teraba-raba
- ☐ D terkial-kial

14. Tangan datuk _____ semasa beliau sedang bercakap dengan saya.

- ☐ A terketar-ketar
- ☐ B bergerak-gerak
- ☐ C termangu-mangu
- ☐ D bergoyang-goyang

15. Rahman menceritakan kejadian pembunuhan yang disaksikannya malam tadi kepada polis dengan suara yang _____.

- ☐ A termangu-mangu
- ☐ B terpinga-pinga
- ☐ C terketar-ketar
- ☐ D terkial-kial

16. Pihak polis dan perompak itu _____ tembakan di luar bangunan bank.

- ☐ A berbalas-balas
- ☐ B berubah-ubah
- ☐ C bertukar-tukar
- ☐ D berganti-ganti

17. Pihak Jabatan Alam Sekitar giat menjalankan kempen kesedaran di _____ untuk menanam sikap cinta akan alam sekitar dalam kalangan murid.

- ☐ A pasar-pasar raya
- ☐ B gerai-gerai makan
- ☐ C pusat-pusat rekreasi
- ☐ D sekolah-sekolah rendah

18. Rusdi _____ semasa mencari cacing di bawah rumahnya untuk dijadikan umpan.

- ☐ A terjerit-jerit
- ☐ B tertoleh-toleh
- ☐ C tercungap-cungap
- ☐ D terbongkok-bongkok

19. "Tidaklah perlu kita _____ dalam hal ini, sebaliknya kita perlu mencari jalan penyelesaian," kata Encik Abdullah kepada pegawainya.

- ☐ A atas-mengatasi
- ☐ B salah-menyalahkan
- ☐ C kalah-mengalahkan
- ☐ D ingat-mengingat

20. Orang ramai _____ ke Dataran Merdeka untuk menyaksikan perarakan sempena Hari Kebangsaan.

- ☐ A bergilir-gilir
- ☐ B bertubi-tubi
- ☐ C bertolak-tolak
- ☐ D berduyun-duyun